

25 FEBRUARY 2026

Wasco Delivers Third Consecutive Year of Strong Profitability in FY2025

Proposes Special Dividend, Net Cash at RM49.2 million

KUALA LUMPUR, 25 February 2026 – Wasco Berhad (“Wasco” or “the Group”) closed the financial year ended 31 December 2025 (“FY2025”) with sustained profitability and a strengthened balance sheet, marking its third consecutive year of positive earnings in a project-based and cyclical operating environment.

In parallel with its financial performance, Wasco continued to strengthen its sustainability standing. The Group’s FTSE4Good Bursa Malaysia Index score improved to 4.4 in FY2025, up from 4.1 previously, reflecting enhanced performance across governance, environmental stewardship, and social responsibility metrics.

The improvement underscores Wasco’s commitment to embedding Economic, Social and Governance (“ESG”) principles into operational execution, risk management, and long-term strategy, reinforcing the alignment between financial discipline and sustainable value creation.

For FY2025, the Group recorded revenue of RM2.6 billion. Profit Before Tax (“PBT”) stood at RM198.1 million, while Net Profit was RM158.3 million. Profit After Tax and Minority Interests (“PATAMI”) increased 4.9% to RM160.5 million.

The year was characterised by margin discipline and execution consistency, culminating in a stronger fourth quarter.

Q4 FY2025 Performance

In the fourth quarter ended 31 December 2025 (“Q4 FY2025”), the Group recorded revenue of RM592.4 million, easing 1.3% quarter-on-quarter.

Despite largely stable revenue, profitability improved significantly. Gross Profit increased 54.8% quarter-on-quarter to RM142.1 million, while PBT rose 69.7% to RM71.9 million. Net Profit increased 67.8% to RM57.3 million, and PATAMI advanced 63.1% to RM56.5 million.

The stronger fourth-quarter performance reflects improved operating leverage as projects progressed into higher-margin execution phases, supported by disciplined cost management across the Group.

Dividend and Financial Position

The Board has proposed a final dividend of 3 sen per share and a special dividend of 1 sen per share for FY2025, bringing the total dividend to 4 sen per share.

The declaration reflects the Group's strengthened balance sheet, sustained profitability over three consecutive financial years, and disciplined capital allocation framework.

As at 31 December 2025, Wasco maintained a net cash position of RM49.2 million, reinforcing financial flexibility while enabling continued shareholder returns alongside reinvestment for sustainable growth.

Segmental Performance

The **Energy Services** division continued steady execution across engineering, fabrication, modularisation, substations, and pipeline services activities. For FY2025, the division recorded revenue of RM2.3 billion and PBT of RM189.9 million. In Q4 FY2025, PBT stood at RM69.7 million, supported by improved project mix and execution discipline. Operational delivery remained consistent across offshore developments, modular fabrication works, and pipeline coating projects in Asia, the Middle East, and Africa.

Prior to the listing of Wasco Greenergy in December 2025, the **Bioenergy Services** division contributed revenue of RM28.9 million for FY2025. The division continues to benefit from recurring income derived from its installed base of more than 1,800 turbine units delivered cumulatively, with after-sales and maintenance services contributing approximately one-third of divisional revenue in FY2025, supporting margin resilience.

The listing of Wasco Greenenergy marked a strategic milestone for the Group, enabling independent capital market valuation of the renewable energy platform. Following the listing, the performance of this business will be reported under Wasco Greenenergy as a separately listed entity.

Orderbook Update and Outlook for FY2026

As at 31 December 2025, Wasco continues to execute a diversified portfolio of projects across Southeast Asia, the Middle East, Africa, Europe, and Australia, spanning offshore oil & gas infrastructure, modular fabrication, substations, pipeline services, power generation, and energy storage systems.

Key ongoing works include:

- Engineering and module fabrication for a national strategic offshore gas development in Indonesia, incorporating enhanced gas recovery (“EGR”) and carbon capture, utilisation and storage (“CCUS”) technologies;
- Floating Production Storage and Offloading (“FPSO”) topside module engineering supporting offshore production developments in the North Sea;
- Substation Engineering, Procurement, Construction and Commissioning (“EPCC”) and fabrication works across the Middle East and Europe, including projects supporting large-scale industrial and green steel developments;
- Modular E-House EPCC and fabrication for a major cross-border crude oil pipeline project in East Africa;
- Pipeline coating, line pipe services, fusion bonded epoxy (“FBE”) coating, thermal insulation, concrete weight coating, and anode installation works supporting Liquefied Natural Gas (“LNG”) production and offshore developments in Qatar and Malaysia;
- Supply of pressure vessels, heat exchangers, and process modules for international energy and industrial facilities;
- EPCC works supporting power generation assets and balance-of-plant works for a 10MWh Battery Energy Storage System (“BESS”) in Australia.

The Group’s order book is at RM2.8 billion, and the tender book of RM12.0 billion provides earnings visibility into FY2026 and beyond.

“Delivering RM470 million in cumulative Profit After Tax over three consecutive years in a project-driven industry reflects sustained profitability and the discipline embedded across our operations,” said **Giancarlo Maccagno, Managing Director/Group Chief Executive Officer of Wasco Berhad.**

“With a net cash position and continued dividend payments, including a special dividend this year, we are demonstrating confidence in the sustainability of our earnings. At the same time, our FTSE4Good Bursa Malaysia Index score improved to 4.4 from 4.1 previously, including a maximum 5.0 score in the Social theme. This reflects strengthened governance oversight and our continued emphasis on labour standards, health and safety, and responsible business practices. It demonstrates that organisations can deliver sustainable returns to shareholders while operating responsibly.”

-ends-

About Wasco Berhad

Wasco Berhad (wascoenergy.com), established in 1999, is a prominent provider of energy solutions with a global presence across 14 countries. The Group’s core strengths lie in two distinct divisions. The Energy Services Division specialises in advanced pipe coating, corrosion protection, engineering, and EPC project delivery. Complementing this, the Bioenergy Services Division focuses on biomass energy generation, catering to a varied sector including plantations, petrochemicals, oleochemicals, and large industrial players.

As a Main Market-listed entity on Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: WASCO), Wasco emphasises sustainability and environmental responsibility. The organisation has set a bold target to achieve net-zero operational carbon emissions (Scope 1 and Scope 2) by 2026. Wasco’s decarbonisation strategy begins with reducing emissions in its operations and supply chains, coupled with the ability to offset emissions.

Reflecting its strong ESG commitment, Wasco is a constituent of the FTSE4Good Bursa Malaysia Index and the FTSE4Good Bursa Malaysia Syariah Index, solidifying its role as a recognised leader in sustainability performance. In addition, Wasco is a proud participant of the United Nations Global Compact Malaysia & Brunei, embedding the Ten Principles of the UN Global Compact into its strategies and operations, with a firm focus on human and labour rights, environmental protection, and anti-corruption efforts.

Wasco recognises the crucial importance of investing in the protection and restoration of natural ecosystems, particularly forests, which play a vital role in sequestering carbon. These efforts not only contribute to the preservation of the natural world and its rich biodiversity but also serve as a medium-term solution for offsetting emissions. A significant part of this commitment revolves around the ‘Wasco Forest’ initiative launched in 2021.

Beyond this dedication to environmental responsibility, Wasco is resolute in its commitment to the energy transition within the oil and gas sector. Recognising that a successful transition necessitates collaboration between the public and private sectors, Wasco actively seeks strategic partnerships. The Group envisions driving growth within regional green value-chains, leveraging local expertise and capabilities to shape a more sustainable future for the energy industry.

Issued by Wasco Berhad. For media enquiries, please contact **Juliana Jamaluddin** (juliana.jamaluddin@wascoenergy.com / +60 12-340 9438) or **Elinar Yasmeen** (elinar.yasmeen@wascoenergy.com / +60 12-903 0342).

25 FEBRUARI 2026

Wasco Catat Keuntungan Kukuh Tiga Tahun Berturut-turut bagi Tahun Kewangan 2025

Cadang Dividen Khas; Kedudukan Tunai Bersih RM49.2 Juta

KUALA LUMPUR, 25 Februari 2026 – Wasco Berhad (“Wasco” atau “Kumpulan”) melabuhkan tirai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 (“TK2025”) dengan keuntungan yang mampan serta kedudukan kunci kira-kira yang semakin kukuh, sekali gus menandakan tahun ketiga berturut-turut Kumpulan mencatatkan pendapatan positif dalam persekitaran operasi berasaskan projek yang bersifat kitaran.

Seiring dengan prestasi kewangan tersebut, Wasco turut memperkukuh kedudukan kemampuannya dengan peningkatan skor Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia kepada 4.4 bagi TK2025 berbanding 4.1 sebelum ini. Peningkatan ini mencerminkan peningkatan prestasi dalam aspek tadbir urus, pengurusan alam sekitar dan tanggungjawab sosial.

Perkembangan positif ini membuktikan komitmen Kumpulan yang membuahkan hasil untuk mengintegrasikan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (“ESG”) dalam pelaksanaan operasi, pengurusan risiko serta strategi jangka panjang, sekali gus memperkukuh keselarasan antara disiplin kewangan dan penciptaan nilai mampan.

Bagi TK2025, Kumpulan merekodkan hasil sebanyak RM2.6 bilion. Keuntungan Sebelum Cukai (“PBT”) berjumlah RM198.1 juta, manakala Keuntungan Bersih direkodkan sebanyak RM158.3 juta. Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (“PATAMI”) meningkat 4.9% kepada RM160.5 juta.

Prestasi suku keempat yang lebih kukuh tersebut didorong oleh disiplin margin dan konsistensi pelaksanaan projek, yang menjadi asas Kumpulan sepanjang tahun 2025.

Prestasi Suku Keempat TK2025

Bagi suku keempat berakhir 31 Disember 2025 (“S4 TK2025”), Kumpulan mencatatkan hasil sebanyak RM592.4 juta, susut 1.3% berbanding suku sebelumnya.

Walaupun hasil kekal stabil, keuntungan menunjukkan peningkatan yang ketara. Keuntungan Kasar meningkat 54.8% suku ke suku kepada RM142.1 juta, manakala PBT melonjak 69.7% kepada RM71.9 juta. Keuntungan Bersih meningkat 67.8% kepada RM57.3 juta dan PATAMI bertambah 63.1% kepada RM56.5 juta.

Prestasi suku keempat yang lebih kukuh ini mencerminkan perkembangan operasi yang lebih positif apabila projek memasuki fasa pelaksanaan yang bermargin lebih baik, disokong oleh pengurusan kos yang berdisiplin di seluruh Kumpulan.

Dividen dan Kedudukan Kewangan

Barisan Lembaga Pengarah Kumpulan telah mencadangkan dividen akhir sebanyak 3 sen sesaham serta dividen khas sebanyak 1 sen sesaham bagi TK2025, menjadikan jumlah keseluruhan dividen sebanyak 4 sen sesaham.

Cadangan ini mencerminkan kedudukan kewangan Kumpulan yang semakin kukuh, keuntungan mampan sepanjang tiga tahun kewangan berturut-turut serta pelaksanaan rangka kerja peruntukan modal yang berdisiplin.

Sehingga 31 Disember 2025, Wasco mengekalkan kedudukan tunai bersih sebanyak RM49.2 juta, sekali gus memperkuat fleksibiliti kewangan bagi menyokong pulangan berterusan kepada pemegang saham di samping peluang pelaburan semula untuk pertumbuhan mampan.

Prestasi Mengikut Segmen

Bahagian **Perkhidmatan Tenaga** meneruskan pelaksanaan projek secara konsisten merangkumi aktiviti kejuruteraan, fabrikasi, modularisasi, pencawang serta perkhidmatan saluran paip. Bagi TK2025, bahagian ini merekodkan hasil sebanyak RM2.3 bilion dan PBT sebanyak RM189.9 juta.

Dalam S4 TK2025, PBT berjumlah RM69.7 juta, disokong oleh campuran projek yang lebih baik dan disiplin pelaksanaan yang mantap. Penyampaian operasi kekal stabil merentasi pembangunan luar pesisir, kerja fabrikasi modular serta projek salutan saluran paip di Asia, Timur Tengah dan Afrika.

Sebelum penyenaian Wasco Greenergy pada Disember 2025, Bahagian **Perkhidmatan Biotenaga** menyumbang hasil sebanyak RM28.9 juta bagi TK2025.

Bahagian ini terus mendapat manfaat daripada pendapatan berulang yang dijana daripada lebih 1,800 unit turbin yang telah dipasang secara kumulatif. Perkhidmatan selepas jualan dan penyelenggaraan menyumbang kira-kira satu pertiga daripada hasil bahagian dalam TK2025, sekali gus menyokong daya tahan margin.

Penyenaraian Wasco Greenergy merupakan pencapaian strategik penting bagi Kumpulan, membolehkan penilaian pasaran modal secara bebas terhadap platform tenaga boleh diperbaharui tersebut. Susulan penyenaraian tersebut, prestasi perniagaan ini akan dilaporkan sebagai entiti tersenarai yang berasingan.

Kemaskini Buku Pesanan dan Prospek TK2026

Sehingga 31 Disember 2025, Wasco terus melaksanakan portfolio projek yang pelbagai merentasi Asia Tenggara, Timur Tengah, Afrika, Eropah dan Australia, meliputi infrastruktur minyak dan gas luar pesisir, fabrikasi modular, pencawang, perkhidmatan saluran paip, penjanaan kuasa serta sistem penyimpanan tenaga.

Antara projek utama yang sedang dilaksanakan termasuk:

- Kejuruteraan dan fabrikasi modul bagi pembangunan gas luar pesisir strategik nasional di Indonesia yang menggabungkan teknologi *Enhanced Gas Recovery* ("EGR") serta teknologi Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon ("CCUS");
- Kejuruteraan modul bahagian atas Pengeluaran Penyimpanan dan Pemunggaran Terapung ("FPSO") bagi menyokong pembangunan pengeluaran luar pesisir di Laut Utara;
- Kerja-kerja Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan & Pentauliahan ("EPCC") dan fabrikasi pencawang di Timur Tengah dan Eropah termasuk projek menyokong pembangunan perindustrian berskala besar serta keluli hijau;
- EPCC dan fabrikasi Modular E-House bagi projek saluran paip minyak mentah rentas sempadan utama di Afrika Timur;
- Kerja-kerja salutan saluran paip termasuk salutan *Fusion Bonded Epoxy* ("FBE"), penebatan haba, salutan konkrit pemberat serta pemasangan anod bagi menyokong pengeluaran Gas Asli Cecair ("LNG") dan pembangunan luar pesisir di Qatar dan Malaysia;
- Pembekalan bejana tekanan, penukar haba dan modul proses bagi kemudahan tenaga dan industri antarabangsa;
- Kerja-kerja EPCC bagi aset penjanaan kuasa serta kerja-kerja keseimbangan fasiliti untuk Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri ("BESS") berkapasiti 10MWh di Australia.

Buku pesanan Kumpulan kini berjumlah RM2.8 bilion, manakala buku tender sebanyak RM12.0 bilion, menyediakan keterlihatan pendapatan memasuki TK2026 dan seterusnya.

“Pencapaian Keuntungan Selepas Cukai terkumpul sebanyak RM470 juta sepanjang tiga tahun berturut-turut dalam industri berasaskan projek mencerminkan keuntungan yang mampan serta disiplin yang telah diterapkan secara konsisten dalam operasi kami,” kata **Giancarlo Maccagno, Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wasco Berhad.**

“Dengan kedudukan tunai bersih serta pembayaran dividen yang berterusan, termasuk dividen khas pada tahun ini, kami menunjukkan keyakinan terhadap kemampanan keuntungan kami. Pada masa yang sama, skor Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia kami meningkat kepada 4.4 berbanding 4.1 sebelum ini, termasuk pencapaian skor maksimum 5.0 bagi tema Sosial. Ini mencerminkan pengukuhan pengawasan tadbir urus serta penekanan berterusan terhadap piawaian buruh, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, serta amalan perniagaan yang bertanggungjawab. Ia membuktikan bahawa organisasi mampu menjana pulangan mampan kepada pemegang saham sambil beroperasi secara bertanggungjawab.”

-tamat-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi: -

Juliana Jamaluddin

juliana.jamaluddin@wascoenergy.com

+6012 340 9438

Elinar Yasmeen

elinar.yasmeen@wascoenergy.com

+6012 903 0342

Mengenai Wasco Berhad

Wasco Berhad (wascoenergy.com), ditubuhkan pada 1999, merupakan penyedia penyelesaian tenaga yang terkemuka dengan kehadiran global di 14 negara. Kekuatan utama Kumpulan terletak pada dua bahagian utama. Bahagian Perkhidmatan Tenaga mengkhusus dalam salutan paip canggih, perlindungan kakisan, kejuruteraan, dan penyampaian projek EPC. Sementara itu, Bahagian Perkhidmatan Biotenaga memberi tumpuan kepada penjanaan tenaga biojisim, melayani pelbagai sektor termasuk perladangan, petrokimia, oleokimia, dan pemain industri utama.

Sebagai entiti yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: WASCO), Wasco menekankan kelestarian dan tanggungjawab alam sekitar dengan strategi dekarbonisasi Wasco bermula dengan pengurangan pelepasan dalam operasinya dan rantai bekalan, digabungkan dengan keupayaan untuk mengimbangi pelepasan.

Mencerminkan komitmennya terhadap ESG yang kukuh, Wasco merupakan sebahagian daripada Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia dan Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia Syariah, menegaskan peranannya sebagai peneraju yang diiktiraf dalam prestasi kelestarian. Selain itu, Wasco merupakan peserta bangga dalam United Nations Global Compact Malaysia & Brunei, mengintegrasikan Sepuluh Prinsip UN Global Compact ke dalam strategi dan operasinya, dengan tumpuan teguh pada hak asasi manusia, perlindungan alam sekitar, dan usaha anti-rasuah.

Wasco memperakui kepentingan pelaburan dalam perlindungan dan pemulihan ekosistem semula jadi, terutamanya hutan, yang memainkan peranan penting dalam menyerap karbon. Usaha ini bukan sahaja menyumbang kepada pemeliharaan alam semula jadi dan kepelbagaian biologi yang kaya, tetapi juga menjadi penyelesaian jangka sederhana untuk mengimbangi pelepasan. Komitmen ini turut merangkumi inisiatif 'Wasco Forest' yang dilancarkan pada 2021.

Selain komitmen ini terhadap tanggungjawab alam sekitar, Wasco berpegang teguh pada peralihan tenaga dalam sektor minyak dan gas. Menyedari bahawa peralihan yang berjaya memerlukan kerjasama antara sektor awam dan swasta, Wasco secara aktif mencari perkongsian strategik. Kumpulan ini membayangkan untuk memacu pertumbuhan dalam rantai nilai hijau serantau, memanfaatkan kepakaran dan keupayaan tempatan untuk membentuk masa depan yang lebih lestari bagi industri tenaga.

**Sekiranya terdapat sebarang percanggahan dalam Siaran Media ini, rujukan utama untuk tujuan ketepatan fakta adalah berpandukan pada Siaran Media versi Bahasa Inggeris.*